



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**PEGAWAI UGAMA (B.2 EB.3)  
JABATAN HAL EHWAL SYARIAH  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEGAWAI UGAMA  
JABATAN HAL EHWAL SYARIAH  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA  
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Kaunseling / Pengajian Islam / Psikologi / Syariah (Fiqh dan Qadha) / Syariah (Fiqh dan Usul) / Usuluddin atau bidang bersesuaian.  
  
Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.
2. Sebelum layak ditetapkan dalam jawatannya, Pegawai Ugama dikehendaki lulus Peperiksaan Perkhidmatan Ugama Perkhidmatan Awam (PPUPA).
3. Keutamaan adalah diberikan kepada yang sudah berkahwin.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

**DI BAHAGIAN KHIDMAT NASIHAT KELUARGA**

1. Mengetuai Seksyen Konsultasi Keluarga;
2. Mengendalikan kes MAL, poligami dan kes memohon nasihat;
3. Menyampaikan ceramah Kursus Pra Nikah termasuk kursus singkat / taklimat poligami / bimbingan keluarga;
4. Mengedarkan fail Aduan MAL kepada Pegawai Penasihat;
5. Memantau kemasukan data SisMi;
6. Menyampaikan ceramah bimbingan keluarga di televisyen dan radio dan kepada saudara-saudara baru;
7. Membantu Ketua Bahagian merancang program-program tahunan;
8. Membantu Ketua Bahagian memantau pelaksanaan Rancangan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama 2020-2024 dan Jabatan; dan
9. Menerima arahan daripada pihak atasan dari semasa ke semasa.